

**KEBOLEHPERCAYAAN PEMERIKSAAN KARANGAN SECARA HOLISTIK
BERDASARKAN JANTINA DAN PENGALAMAN DALAM KALANGAN
GURU BAHASA MELAYU SEKOLAH RENDAH**

*(Reliability Of Holistically Essay Evaluation Based On Gender And
Experience Among Malay Language Primary School Teachers)*

NOOR IZAM MOHD TAIB

noorizamhjmohdtaib@yahoo.com

Kementerian Pelajaran Malaysia

ZAMRI MAHAMOD

d-zam@ukm.my

Universiti Kebangsaan Malaysia

A RAHMAN HARON

manlaoshi@gmail.com

Kementerian Pelajaran Malaysia

ROZAIMAN MAKMUN

rozaiman.makmun@ubd.edu.bn

Universiti Brunei Darussalam

ABSTRAK: Kajian ini bertujuan untuk menentukan kebolehpercayaan pemeriksaan secara holistik karangan Bahasa Melayu dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah rendah. Kajian dibuat bertujuan untuk melihat apakah terdapat perbezaan yang bererti dalam pemeriksaan holistik karangan Bahasa Melayu berdasarkan skor antara jantina dan pengalaman. Seramai lapan orang guru Bahasa Melayu dari Sekolah Kebangsaan Setiawangsa, Kuala Lumpur berdasarkan jantina dan pengalaman dalam memeriksa Kertas Karangan Bahasa Melayu UPSR dipilih sebagai sampel kajian. Sebanyak tiga skrip karangan daripada pelbagai format iaitu Karangan Catatan, Karangan Cerita dan Karangan Fakta daripada lapan orang murid Tahun 6 dari Sekolah Kebangsaan Setiawangsa, Kuala Lumpur digunakan sebagai intrumen kajian. Dokumen dianalisis secara pendekatan induktif dan kemudian mengorganisasikan data. Hasil kajian menunjukkan guru lelaki mempunyai tahap kebolehpercayaan sangat tekal berbanding guru perempuan. Kajian juga menunjukkan guru berpengalaman mempunyai tahap kebolehpercayaan sangat tekal berbanding guru kurang berpengalaman. Kesimpulannya, terdapat perbezaan yang bererti dalam pemeriksaan holistik karangan bahasa Melayu dalam kalangan guru Bahasa Melayu berdasarkan jantina dan pengalaman memeriksa.

Kata kunci: Kebolehpercayaan, pemeriksaan holistik, karangan bahasa Melayu UPSR, guru bahasa Melayu, sekolah rendah.

ABSTRACT: *The purpose of this study is to determine the reliability of holistically essay evaluation based on gender and experience among Malay Language primary school*

teachers. This study aims to see the significance differences in holistic examination Malay Language essay based on gender and experience. As many as eight Malay Language teachers from Sekolah Kebangsaan Setiawangsa, Kuala Lumpur based on sex and experience check UPSR Malay Language Essay Paper elected as sample study. Three scripts essay from various formats namely Diary, Narrative and Factual was conducted on 8 Year 6 pupils from Sekolah Kebangsaan Setiawangsa, Kuala Lumpur are used as instrument. The document was analysed by using the inductive approach and then organized the data. Study results showed the male teachers have very consistent degree of reliability compared with the female teacher. Study also showed the experienced teacher have very consistent degree of reliability compared with the less experienced teacher. In conclusion, there are significance differences in holistic examination Malay Language essay based on gender and experience.

Keywords: *Reliability, holistic evaluation, UPSR Malay Language essay, Malay Language teachers, primary schools.*

PENGENALAN

Pada tahun 2005, Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menyediakan format pentaksiran bagi mata pelajaran Bahasa Melayu peringkat UPSR. Format itu telah diluluskan dalam Mesyuarat Kurikulum Pusat, KPM. Format itu direka bentuk berdasarkan hasrat dan kandungan kurikulum seperti yang ternyata dalam dokumen rasmi sukatan pelajaran dan huraian sukatan pelajaran. Format pentaksiran direka bentuk dengan mementingkan prinsip-prinsip asas pentaksiran, terutamanya aspek kesahan, kebolehpercayaan, pelaksanaan dan penjaminan kualiti. Sejak tahun 2000, KPM telah meluluskan kurikulum bagi beberapa mata pelajaran di sekolah rendah yang disemak semula (LPM 2005). Hal ini bermakna, pentaksiran memberikan fokus khusus kepada pencapaian objektif mata pelajaran yang merangkumi bidang pengetahuan, kemahiran dan adab serta nilai murni (LPM, 2005).

Bahasa merupakan alat perhubungan yang penting dalam kehidupan manusia. Menurut Raminah (1993), melalui bahasa seseorang itu dapat berkomunikasi dengan orang lain untuk menyampaikan kehendak, perasaan, pendapat, pengalaman, buah fikiran, pengetahuan, mendapatkan informasi, menambahkan ilmu pengetahuan, memahami orang lain dan sebagainya. Menurut Kamarudin (2001), pembelajaran bahasa secara formalnya berlaku di sekolah dan guru-guru bahasa Melayu memainkan peranan yang utama bagi memastikan murid-murid di sekolah dapat mempelajari Bahasa Melayu dengan sebaik-baiknya.

Banyak guru yang menganggap mengajarkan Bahasa Melayu merupakan suatu tugas yang mudah. Kajian Seman (2005) menunjukkan semua guru yang menjadi responden dalam kajiannya berminat dan seronok mengajarkan Bahasa Melayu kerana mereka menganggap Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran yang mudah untuk diajar. Tanggapan ini diterima oleh pentadbir sekolah dan tindakannya ialah menentukan guru Bahasa Melayu dalam kalangan guru yang bukan opsyen Bahasa Melayu. Amalan ini berlaku disebabkan guru besar menganggap mata pelajaran bahasa Melayu boleh diajar oleh guru-guru lain selain guru opsyen Bahasa Melayu. Guru-guru ini kebanyakannya

kurang menguasai aspek-aspek bahasa dan ini menimbulkan masalah apabila mereka menyampaikan pengajaran.

Selepas ujian dijalankan dan kertas jawapan telah dikutip, guru akan melaksanakan tugas seterusnya, iaitu memeriksa skrip jawapan. Beberapa perkara yang perlu diambil kira dalam memeriksa skrip jawapan adalah daripada aspek bentuk ujian yang diberikan kepada pelajar dan jawapan yang diberikan oleh pelajar sama ada dalam kertas objektif yang disediakan (contohnya, kertas OMR) atau jawapan dalam bentuk esei atau karangan. Soalan yang berbentuk esei atau karangan pula memerlukan guru memeriksa dengan teliti dan tidak boleh disemak sambil lewa berbanding dengan skrip jawapan objektif. Dalam konteks kajian ini, penilaian kemahiran menulis biasanya dikaitkan dengan dua pendekatan pemeriksaan yang berlainan, iaitu analitik dan holistik.

PEMERIKSAAN HOLISTIK

Pemeriksaan secara holistik menghendaki pemeriksa membaca terlebih dahulu secara keseluruhan jawapan yang diberikan oleh murid-murid dan kemudian mengelas atau mengelompokkan pencapaian mengikut kelompok pencapaian ikut kumpulan atau kelompok pencapaian sebelum menentukan pemberian markah keseluruhan bagi karangan yang ditulis. Murid-murid bebas memberikan jawapan asalkan tidak menyeleweng daripada kehendak soalan. Pemeriksaan secara holistik ini memerlukan pemeriksa atau guru-guru yang berpengalaman dan benar-benar menguasai bidang atau mata pelajaran berkenaan. Skema pemeriksaan secara holistik mempunyai kelebihan dari segi pemeriksaan kertas jawapan yang lebih cepat berbanding cara analitik (Azizi, 2006)

Menurut Azizi (2006) lagi, walaupun begitu cara pemeriksaan sebegini adalah kurang objektif. Langkah meningkatkan keobjektifan dapat dilaksanakan melalui mesyuarat penyelarasan atau pemurnian markat antara guru-guru berkenaan. Dalam mesyuarat berkenaan, ketua bagi pemeriksaan skrip peperiksaan akan memberikan panduan memeriksa skrip jawapan diikuti dengan latihan tertentu. Pemeriksaan dengan cara holistik adalah berdasarkan kepada andaian bahawa keseluruhan adalah lebih penting daripada bahagian-bahagian. Pemeriksaan holistik boleh dilaksanakan dengan menggunakan skala ordinal atau skala nominal. Pemeriksa yang menggunakan cara holistik ini mula memeriksa setiap skrip jawapan secara keseluruhan dan menyusun skrip-skrip itu mengikut prestasinya.

Menurut Siti Rahayah (2003), pemarkahan jawapan dengan kaedah holistik untuk menentukan pencapaian calon dalam ujian subjektif didasarkan pada andaian bahawa pelajar mempunyai pandangan keseluruhan tentang keseluruhan soalan. Kaedah ini menekankan aspek yang baik, bukan yang buruk, dalam sesuatu jawapan. Oleh itu kaedah ini sesuai digunakan untuk memeriksa soalan yang menekankan pengkonsepsian yang menyeluruh. Dengan demikian, penekanan holistik diberi berasaskan pandangan pemeriksa terhadap jawapan pelajar secara keseluruhan.

Mengikut Modul 4: Pengujian, Pengukuran dan Penilaian (PPT, UMP 2004), dalam pemeriksaan cara holistik ini, ada dua jenis skala yang lazim digunakan, iaitu skala

ordinal dan skala nominal. Sekiranya pemeriksaan secara holistik dibuat dengan menggunakan skala ordinal, pemeriksa perlu mengikuti langkah-langkah yang berikut:

1. Memeriksa setiap skrip jawapan calon secara keseluruhan.
2. Menyusun skrip-skrip jawapan calon mengikut prestasinya, iaitu prestasi terbaik diletakkan di atas dan prestasi terburuk diletakkan di bawah.
3. Menentukan berapa peratus calon yang patut diberi gred A, B, C, D dan sebagainya.
4. Memberikan gred kepada skrip jawapan mengikut kumpulan berdasarkan peratusan calon yang telah dipertimbangkan untuk setiap gred.

Dalam pemeriksaan yang menggunakan skala nominal, pemeriksa dikehendaki membaca skrip jawapan calon sekali lalu berdasarkan kriteria kandungan, pengolahan, dan proses untuk memperoleh gambaran setinggi mana tahap jawapan calon. Pemeriksa kemudian dikehendaki menetapkan gred yang difikirkan sesuai diberikan kepada skrip tersebut berdasarkan kriteria pemarkahan yang disediakan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Menurut Hashim (2000), proses pemeriksaan secara holistik amat subjektif sifatnya. Oleh sebab itu, pemarkahan cara ini memerlukan pemeriksa yang berpengalaman serta menguasai bidang berkenaan. Ciri keobjektifan pemeriksaan secara holistik ini dapat ditingkatkan dengan mengadakan mesyuarat penyelarasan antara ketua pemeriksa dengan pemeriksa-pemeriksa. Pada mesyuarat itu, pemeriksa akan diberi taklimat dan panduan tentang cara memeriksa skrip jawapan dan kemudian berlatih memeriksa beberapa contoh skrip jawapan. Dengan cara ini, perselisihan dalam pemberian markah dan penentuan gred antara pemeriksa dapat dikurangkan.

Jadual 1: Contoh skema pemeriksaan kaedah holistik berdasarkan skala nominal

| Gred/Markah | Ciri Jawapan |
|-----------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Gred A (75% -100%) | <ul style="list-style-type: none"> • Takrif yang tepat terhadap tajuk karangan yang dipilih. • Bahasa lancar dan bersih daripada segala aspek kesalahan. • Terdapat keragaman struktur ayat dengan susunan yang sangat menarik. • Isinya cukup dan berkembang dengan contoh yang sesuai. • Hujah sangat logis dan memperlihatkan ciri-ciri kematangan fikiran. |
| Gred B (60% -74%) | <ul style="list-style-type: none"> • Takrif terhadap tajuk karangan yang dipilih masih tepat. • Isinya cukup dan pengolahannya agak menarik. • Bahasa memuaskan. Keragaman struktur ayat agak sedikit. • Masih ada ciri-ciri kematangan fikiran penulisan. |
| Gred C (40% -59%) | <ul style="list-style-type: none"> • Takrif terhadap tajuk karangan yang dipilih kurang tepat. • Isinya kurang, ada yang sesuai dan ada yang tidak. • Terdapat beberapa kesalahan bahasa yang dapat dimaafkan. • Tiada keragaman struktur ayat. Kosa kata agak terhad. |
| Gred D (30% -39%) | <ul style="list-style-type: none"> • Takrif terhadap tajuk karangan kurang difahami. • Isinya terpesong sipi. Pengolahannya agak lemah dan kurang teratur. • Terdapat beberapa kesalahan bahasa yang tidak dapat dimaafkan. |

| | |
|--------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Gred E (0 -29%) | <ul style="list-style-type: none">• Penguasaan bahasa dan kosa kata kurang cekap.• Takrif terhadap tajuk karangan tidak difahami langsung.• Isinya terpesong sama sekali. Pengolahannya tidak teratur.• Penguasaan bahasanya lemah dengan susunan ayat yang kelim kabut dan kesalahan kosa kata yang banyak. |
|--------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

Sumber : Pusat Pengajian Teknologi, Universiti Malaysia Pahang (2004)

Menurut kajian Mohd Isha (2005), skema pemarkahan yang disediakan secara umum sebagai panduan. Skema ini seperti contoh yang ditunjukkan dalam Jadual 2 sesuai bagi pemarkahan soalan berbentuk karangan atau esei. Pemarkahan diberikan berdasarkan pengamatan iaitu pemeriksaan secara holistik mengehendaki pemeriksa membaca terlebih dahulu secara keseluruhan jawapan yang diberikan oleh murid-murid dan kemudian mengelas atau mengelompokkan pencapaian mengikut kelompok pencapaian ikut kumpulan atau kelompok pencapaian sebelum menganggar pemberian markah keseluruhan bagi sesuatu soalan. Murid-murid bebas memberikan jawapan asalkan tidak menyeleweng daripada kehendak soalan. Pemeriksaan secara holistik ini memerlukan pemeriksa atau guru-guru yang berpengalaman dan benar-benar menguasai bidang atau mata pelajaran berkenaan.

Jadual 2: Contoh skema pemeriksaan secara holistik

| Markah | Kriteria |
|---------------|-------------------------------------------------------------------------------------------|
| 5 | Cemerlang – menguasai semua objektif serta dapat berhujah dengan baik dan berkesan. |
| 4 | Baik – menguasai kebanyakan objektif dan dapat memberikan hujah dengan baik dan berkesan. |
| 3 | Memuaskan – hampir sebahagian objektif dan memberikan hujah dengan memuaskan. |
| 2 | Lemah – menguasai sebahagian kecil objektif dan hujah yang diberikan tidak memuaskan. |
| 1 | Kurang memuaskan – belum menguasai sebarang objektif dan hujah adalah lemah. |
| 0 | Gagal – gagal memberikan sebarang jawapan dan hujah amat lemah. |

Sumber: Mohd Isha Awang (2005).

Mengikut LPM (2005), format pentaksiran bagi mata pelajaran penulisan karangan direka bentuk berdasarkan hasrat dan kandungan kurikulum tersebut seperti yang ternyata dalam dokumen rasmi sukatan pelajaran dan huraian sukatan pelajaran, terutamanya aspek kesahan, kebolehpercayaan, kebolehlaksanaan dan penjaminan kualiti serta kriteria penskoran seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3. Aspek keserasian dengan kurikulum turut diberi keutamaan. Reka bentuk pentaksiran juga memastikan keseluruhan pentaksiran mempunyai kerelevanan dan kecukupcukupan daripada aspek kandungan sukatan pelajaran.

Jadual 3: Kriteria penskoran Bahasa Melayu UPSR Penulisan Bahagian B

| Penskoran | Kriteria |
|--------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Cemerlang Gred A (80%-100%) Skor (24-30) | <ul style="list-style-type: none"> • Penyampaian atau persembahan yang jelas dan menarik untuk dibaca. Pengolahan idea yang sangat baik menggunakan pelbagai ayat yang gramatis bertepatan dengan tema. • Penggunaan pelbagai kata dan kosa kata yang meluas serta sesuai dengan tema. • Penggunaan ejaan dan tanda baca yang betul berdasarkan jenis karangan. |
| Baik Gred B (60%-79%) Skor (18-23.7) | <ul style="list-style-type: none"> • Penyampaian atau persembahan yang jelas untuk dibaca. Pengolahan idea yang baik dengan menggunakan ayat yang gramatis bertepatan dengan tema. • Penggunaan pelbagai kata dan kosa kata yang sederhana serta sesuai dengan tema. • Terdapat beberapa kesalahan dalam ejaan dan tanda baca tetapi tidak menjejaskan karangan. |
| Memuaskan Gred C (40%-59%) Skor (12-17.7) | <ul style="list-style-type: none"> • Penyampaian atau persembahan yang mudah dan ringkas. • Menyatakan isi dengan menggunakan ayat dasar berdasarkan tema. • Penggunaan pelbagai kata dan kosa kata yang terhad dan sesuai. • Penggunaan tanda baca yang terhad [huruf besar, noktah (.) dan koma (,)]. • Terdapat banyak kesalahan dalam tanda baca dan ejaan. |
| Pencapaian Tahap Minimum Gred D, E, F Skor (0%-11.7%) | <ul style="list-style-type: none"> • Penyampaian atau persembahan yang tidak sesuai dengan tema. • Isi tidak tepat, tidak berkaitan dengan tema atau sukar difahami. • Penggunaan perkataan yang terhad dan tidak sesuai dengan tema. • Tidak menguasai kemahiran tanda baca dan ejaan. |

Sumber : Lembaga Peperiksaan Malaysia (2005)

Menurut Mokhtar (1995), nilai yang didapati adalah rendah dan kebolehpercayaan soalan karangan dipengaruhi oleh beberapa faktor. Pertama ialah keobjektifan sesuatu ujian iaitu merujuk kepada darjah sejauh mana penilai yang sama kecekapannya akan memberikan markat yang sama. Dalam konteks keobjektifan, perhatian perlu ditumpukan kepada ujian berbentuk esei di dalam bilik darjah. Beberapa langkah perlu diambil supaya perbezaan markah yang diperolehi oleh murid bukan disebabkan oleh pendapat dan pengamatan guru-guru pemeriksa sahaja demi mencapai kecemerlangan dalam pemahaman pembelajaran karangan mereka.

Menurut Azizi (2006), bagi ujian yang ingin mendapatkan maklumat berhubung tahap penguasaan murid-murid dalam sesuatu kemahiran, sudah tentu memerlukan guru memeriksa dengan segera agar dapat digunakan bagi tujuan memperbaiki P&P. Beliau menambah lagi, dalam proses memeriksa skrip jawapan, guru juga mungkin berhadapan dengan kekangan atau prosedur tertentu yang wajar dipatuhi. Justeru, guru

perlu mendapatkan tempat yang sesuai bagi mengelakkan berlakunya gangguan dalam memberikan markah murid. Keadaan ini sedikit sebanyak mempengaruhi pemeriksaan sesuatu kertas jawapan terutamanya kepada guru-guru yang baru mengajar dan memeriksa kertas karangan. Pemeriksaan holistik yang memerlukan tanggapan menyeluruh terhadap sesuatu skrip karangan memerlukan pengalaman yang banyak untuk memudahkan proses pemeriksaan tersebut.

Pemasalahan juga wujud apabila ketidakseimbangan pemberian markah antara guru boleh menjejaskan keyakinan murid kepada guru dan pembelajaran karangan tersebut. Menurut Mohd Isa (2004), ada dua teknik pemarkahan iaitu teknik global (impresif, holistik, tanggapan) dan teknik analisis (perincian). Beliau berpendapat, pemarkahan global boleh digabungkan dengan pemarkahan analisis, dan boleh dinamakan teknik eklektik kerana pencapaian adalah sesuatu yang kompleks dan rumit. Menurut Sulaiman (2003), murid-murid sememangnya mengambil berat dengan gred yang diperoleh berbanding dengan kemahiran yang diperoleh oleh mereka. Malah tidak kurang juga sebilangan guru mungkin mengambil langkah yang salah hasil daripada maklumat yang diperoleh daripada ujian atau peperiksaan yang dijalankan. Jika ini terjadi, adalah suatu tindakan yang tidak bijak atau langkah yang silap telah diambil. Apa yang harus diambil ialah guru perlu menggunakan maklumat yang diperoleh bagi meningkatkan pencapaian murid pada masa hadapan dengan memberikan kelas-kelas pemulihan atau aktiviti tambahan kepada murid-murid.

Menurut Abdullah (2001), skor yang diperoleh oleh seseorang murid adalah bergantung kepada prestasi jawapan yang diberikan dalam setiap soalan yang dijawab. Di samping itu, prestasi menjawab skor yang diperoleh juga dipengaruhi oleh cara pemarkahan oleh guru atau pemeriksa. Sesungguhnya, skema pemarkahan perlu disediakan oleh guru dengan lebih awal supaya dapat membantu guru mengenal pasti soalan yang perlu diperbaiki atau dibuang.

Hakikatnya, terdapat permasalahan yang timbul dalam kaedah pemeriksaan karangan secara holistik kerana arahan segera yang membuatkan para guru belum menguasai kaedah pemarkahan holistik tersebut. Fenomena ini boleh mengakibatkan terdapat perbezaan yang ketara dari segi pemberian markah antara murid yang pasti menjejaskan pembelajaran mereka. Menurut Mohd Isha (2005), pemarkahan cara holistik adalah sesuai digunakan untuk memeriksa karangan apatah lagi bilangan karangan yang banyak perlu dinilai dalam tempoh masa yang terhad. Pemarkahan holistik lebih mudah dilaksanakan kerana contoh jawapan dan skema pemarkahan tidak diperlukan. Bagaimanapun, pemarkahan cara holistik ini memerlukan pemeriksa yang berpengalaman serta mahir dalam bidang yang berkenaan, terutamanya yang menjadi pemeriksa kertas peperiksaan karangan UPSR.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini untuk mengkaji kebolehpercayaan pemeriksaan secara holistik guru Bahasa Melayu untuk tiga bentuk karangan, iaitu Karangan Catatan, Cerita dan Fakta bagi Kertas 012, Bahagian B-Bahasa Melayu (UPSR) Tahap 2, Sekolah Kebangsaan. Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti tahap kebolehppercayaan antara guru lelaki dengan guru perempuan dalam pemeriksaan secara holistik karangan Bahasa Melayu.
2. Mengenal pasti tahap kebolehppercayaan antara guru berpengalaman dengan guru kurang berpengalaman dalam pemeriksaan secara holistik karangan Bahasa Melayu.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian berbentuk deskriptif dan gabungan kualitatif dan kuantitatif ini dijalankan melalui analisis dokumen kerana hakikat kajian ini yang memerlukan suasana yang berbentuk realistik, semulajadi, bersifat holistik, memerlukan penghuraian secara deskriptif dan juga *grounded theory* (Mohd. Majid, 2005). Data kajian dikumpul melalui borang analisis daripada skor-skor guru yang telah memeriksa secara holistik tiga set karangan yang mengandungi dua puluh empat skrip karangan, iaitu laman untuk Karangan Catatan, laman untuk Karangan Cerita dan laman untuk Karangan Fakta daripada setiap laman orang murid yang dipilih.

Menurut Mohd Majid (2005), umumnya analisis dokumen merupakan kaedah penyelidikan deskriptif yang bermatlamat untuk menjelaskan sesuatu fenomena yang berlaku berpandukan kepada dokumen yang berkaitan dengan fenomena tersebut. Dalam konteks kajian ini, aspek fenomena tersebut adalah tahap kebolehppercayaan pemeriksaan secara holistik terhadap Karangan Catatan, Karangan Cerita dan Karangan Fakta: Kertas 012, Bahagian B-Bahasa Melayu (UPSR) murid Tahun 6 dalam kalangan guru Bahasa Melayu Tahap 2, Sekolah Kebangsaan. Dokumen yang dianalisis pula ialah tiga set karangan yang mengandungi 24 skrip karangan, iaitu laman untuk Karangan Catatan, laman untuk Karangan Cerita dan laman untuk Karangan Fakta daripada setiap laman orang murid yang dipilih untuk kajian ini.

Responden Kajian

Populasi kajian ini terdiri daripada laman orang guru Tahap 2 yang mengajar dan memberi markah bagi mata pelajaran Kertas 012, Bahagian B-Bahasa Melayu (UPSR) di dalam Zon Keramat, Kuala Lumpur. Sampel kajian terbatas kepada laman orang guru yang mengajar Bahasa Melayu Tahap 2 di sebuah sekolah rendah iaitu Sekolah Kebangsaan Setiawangsa, Kuala Lumpur. Kumpulan responden yang dipilih tidak semestinya dipilih secara rawak, tetapi responden tersebut perlulah mempunyai kesamaan ciri berlandaskan pemboleh-pemboleh ubah kajian agar mencapai tahap kebolehppercayaan dan kesahan yang tinggi. Guru Bahasa Melayu yang dipilih adalah berdasarkan jantina antara lelaki dengan perempuan. Kriteria berdasarkan pengalaman mengajar dan memeriksa karangan antara lebih 10 tahun dengan yang kurang 10 tahun. Seterusnya, guru yang menjadi pemeriksa Kertas 012 UPSR dengan yang bukan guru pemeriksa tersebut juga merupakan kriteria penting dalam kajian ini. Tempoh proses pemarkahan guru-guru tersebut ditetapkan dalam masa seminggu selepas sahaja peperiksaan UPSR bagi kelapan-lapan pelajar tersebut selesai. Rasionalnya, pada masa

itu guru-guru berkenaan telah menghabiskan sukatan pelajaran Bahasa Melayu dan tidak tertekan dengan sebarang peperiksaan lagi.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan untuk mendapatkan maklumat dan data dalam kajian ini merupakan tiga Set Karangan yang mengandungi dua puluh empat skrip karangan iaitu lapan untuk Karangan Catatan, lapan untuk Karangan Cerita dan lapan untuk Karangan Fakta daripada setiap lapan orang murid yang dipilih untuk kajian ini. Melalui tiga Set Karangan tersebut, kelapan-lapan orang guru Bahasa Melayu yang dipilih itu akan memeriksa secara holistik. Menurut Suppiah Nachiapan (2006), mengikut kaedah Hermeneutik, karangan murid disebut sebagai *teks* dan selepas diinterpretasikan, hasilnya disebut sebagai *metateks*. Metateks dalam konteks kajian ini adalah gaya bahasa yang terdiri daripada peribahasa, simpulan bahasa, ungkapan, pantun, kiasan bunga, imageri dan sebagainya. Pengkaji menyediakan tiga tajuk soalan karangan kepada murid-murid yang dipilih, iaitu:

1. Karangan berformat: Baru-baru ini sekolah kamu telah mengadakan sukan tahunan. Tuliskan catatan lengkap tentang sukan tahunan tersebut.
2. Karangan tidak berformat: Semua orang pernah mengalami peristiwa yang menggembirakan. Tuliskan sebuah karangan tentang pengalaman yang pernah kamu alami.
3. Karangan fakta: Tuliskan sebuah karangan tentang Faedah Membaca.

Kajian ini menggunakan kebolehpercayaan berasaskan *alternate forms* ataupun *Bentuk Setara* iaitu, jika dua ujian yang setara boleh digunakan untuk mendapatkan anggaran kebolehpercayaan sesuatu ujian. Kedua-dua bentuk dikendalikan kepada sekumpulan pelajar, dan korelasi di antara dua set skor ditentukan. Untuk menentukan kebolehpercayaan *alternate-form* bagi ujian, dua versi berbeza bagi ujian yang sama dikendalikan kepada kumpulan pelajar yang sama dalam masa sesingkat mungkin, dan skornya dikorelasikan (Abu Bakar 2008). Kekuatan utama soalan jenis karangan ialah boleh mengukur hasil pembelajaran yang lebih kompleks yang mana tidak boleh diukur dengan soalan jenis lain. Menggunakan soalan karangan tidak semestinya memberikan jaminan boleh mengukur pencapaian yang lebih kompleks. Menurut Linn (1995), soalan jenis karangan mempunyai kelebihan kerana boleh memberi penekanan kepada kesepaduan dan aplikasi pemikiran dan kemahiran penyelesaian masalah.

Analisis Data

Pengkaji memilih lapan orang guru Bahasa Melayu, iaitu tiga orang yang mengajar Tahun 6, tiga orang yang mengajar Tahun 5 dan dua orang dari Tahun 4 sebagai responden kajian berdasarkan jantina, pengalaman dan kepakaran dalam pemeriksaan secara holistik karangan Bahasa Melayu. Pengkaji sendiri mengutip dua puluh empat skrip karangan tersebut untuk dicetak dan mengedarkan set skrip karangan yang telah bercetak untuk diserahkan kepada setiap responden dan memberi penerangan kepada responden. Masa yang diperuntukkan adalah tidak terbatas memandangkan kekangan tugas hakiki, namun masa diperuntukkan dalam tempoh seminggu. Set skrip karangan

daripada lapan orang murid yang telah dinilai dan diperiksa oleh responden dijadikan sebagai sampel kajian. Pengkaji membina kod-kod mewakili item di dalam Jadual Analisis yang digunakan untuk kemudahan sepanjang kajian seperti Guru 1 = G1 sehingga G8. Manakala murid Tahun 4 dikodkan sebagai Murid 1 = M1 sehingga M8.

Data yang terkumpul daripada tiga set skrip karangan lapan orang murid diproses menggunakan kaedah manual dengan nilai min dan peratus (%). Data primer yang diperolehi daripada skor-skor set skrip karangan atau diperolehi secara langsung daripada subjek yang dikaji dan belum diproses atau dianalisis menggunakan min. Menurut Mohd Majid (2005), min sering digunakan di dalam penganalisan data penyelidikan. Simbol yang sering digunakan untuk min bagi sesuatu pemboleh ubah ialah \bar{X} . Manakala menurut Azizi (2006), min juga mudah dikira dengan menggunakan proses aritmetik seperti mencampur, menolak, mendarab dan membahagi. Pengkaji perlu menjumlahkan semua nilai-nilai data untuk memperolehi jumlah market ($\sum X$) dan membahagikan jumlah nilai yang diperolehi dengan bilangan subjek yang dicerap (n) seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.

| |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| $\text{Min } (\bar{X}) = \frac{\text{Jumlah Skor}}{\text{Bilangan Pelajar}}$ $\bar{X} = \frac{(\sum X)}{n}$ |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

Rajah 1: Formula Pengiraan Min
Sumber: Mohd Majid (2005)

DAPATAN KAJIAN

Profil Responden

Menurut Mok Soon Sang (2009), penganalisan dan pentaksiran keputusan ujian merupakan peringkat penting dalam segala proses penilaian. Statistik deskriptif asas yang lazimnya digunakan dalam proses penilaian ialah pemindahan skor mentah kepada graf, poligon kekerapan atau histogram, termasuk pengiraan dan penggunaan julat, peratus, min, median dan mod (Mok Soon Sang, 2009). Kajian ini menggunakan jadual untuk mendapat gambaran mengenai profil responden mengikut jantina, umur, kelulusan akademik, pengalaman mengajar dan memeriksa karangan, kepakaran memeriksa kertas karangan UPSR, bilangan kelas mengajar Bahasa Melayu dan mata pelajaran lain. Jadual 4 membincangkan profil guru yang menjadi responden kajian ini.

Jadual 4: Profil responden kajian

| Kriteria | Kumpulan | Kekerapan | Peratus |
|--------------------------------------------|-------------------|-----------|---------|
| Jantina | Lelaki | 4 | 50% |
| | Perempuan | 4 | 50% |
| Umur | Kurang 30 Tahun | 1 | 12.5% |
| | Kurang 40 Tahun | 4 | 50% |
| | Kurang 50 Tahun | 3 | 37.5% |
| Kelulusan akademik | Ijazah Pendidikan | 1 | 12.5% |
| | STPM | 3 | 37.5% |
| | SPM | 4 | 50% |
| Pengkhususan | Pengajian Melayu | 5 | 62.5% |
| | PPAK (Am) | 3 | 37.5% |
| Pengalaman mengajar dan memeriksa karangan | Lebih 10 tahun | 4 | 50% |
| | Kurang 10 tahun | 4 | 50% |
| Kepakaran memeriksa kertas karangan UPSR | Pemeriksa | 4 | 50% |
| | Bukan Pemeriksa | 4 | 50% |
| Bilangan kelas mengajar | 2 kelas | 4 | 50% |
| | 1 kelas | 4 | 50% |
| Mata pelajaran lain yang diajar | Kajian Tempatan | 4 | 50% |
| | Sivik | 2 | 25% |
| | Matematik | 4 | 50% |
| | Sains | 1 | 12.5% |
| | PJK | 6 | 75% |
| | Pendidikan Seni | 4 | 50% |

Tahap Kebolehpercayaan Pemeriksaan Holistik Karangan Guru Bahasa Melayu

Dalam Jadual 5 menunjukkan 5 orang guru iaitu G1, G2, G3, G5 dan G7 atau 62.5% daripada 8 orang guru memberikan skor markah pada gred yang sama iaitu Gred A. Taburan min keseluruhan 24 skrip karangan yang diperiksa dan diberi Gred A oleh G1 ialah $X = 24.4$, G2 ialah $X = 24.8$, G3 ialah $X = 24.2$, G4 ialah $X = 23.7$, G5 ialah $X = 24.8$, G6 ialah $X = 23.5$, G7 ialah $X = 25$ dan G8 ialah $X = 23.9$. Hasil dapatan kajian menunjukkan jumlah min keseluruhan ketiga-tiga karangan yang diperiksa dan diberi skor markah pada gred yang sama, iaitu Gred A ialah $X = 24.28$. Kajian ini jelas menunjukkan tahap kebolehpercayaan pemeriksaan holistik karangan bagi ketiga-tiga format karangan dalam kalangan guru Bahasa Melayu adalah *sederhana tekal* berdasarkan 62.5% daripada guru yang memberikan skor markah pada gred yang sama. Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam Jadual 5.

Jadual 5: Analisis min keseluruhan pemeriksaan holistik bagi karangan Bahasa Melayu dalam kalangan guru

| Guru | Murid | G1 | | G2 | | G3 | | G4 | | G5 | | G6 | | G7 | | G8 | |
|-------------|-------|-------------|----|-------------|----|-------------|----|-------------|----|-------------|----|-------------|----|------------|----|-------------|----|
| | | S | sk | gd | sk | gd | sk | gd | sk | gd | sk | gd | sk | gd | sk | gd | sk |
| M1 | S1 | 22 | B | 24 | A | 25 | A | 26 | A | 25 | A | 19 | B | 25 | A | 20 | B |
| | S2 | 28 | A | 26 | A | 26 | A | 28 | A | 27 | A | 28 | A | 25 | A | 22 | B |
| | S3 | 21 | B | 23 | B | 25 | A | 24 | A | 26 | A | 26 | A | 23 | B | 21 | B |
| M2 | S1 | 23 | B | 24 | A | 21 | B | 24 | A | 26 | A | 23 | B | 23 | B | 22 | B |
| | S2 | 30 | A | 25 | A | 22 | B | 25 | A | 28 | A | 24 | A | 26 | A | 24 | A |
| | S3 | 25 | A | 26 | A | 24 | A | 21 | B | 28 | A | 23 | B | 24 | A | 23 | B |
| M3 | S1 | 24 | A | 25 | A | 26 | A | 24 | A | 23 | B | 25 | A | 26 | A | 24 | A |
| | S2 | 26 | A | 23 | B | 24 | A | 24 | A | 24 | A | 26 | A | 28 | A | 26 | A |
| | S3 | 23 | B | 20 | B | 26 | A | 20 | B | 25 | A | 24 | A | 24 | A | 25 | A |
| M4 | S1 | 26 | A | 26 | A | 25 | A | 25 | A | 27 | A | 23 | B | 26 | A | 25 | A |
| | S2 | 28 | A | 28 | A | 25 | A | 25 | A | 29 | A | 27 | A | 29 | A | 27 | A |
| | S3 | 22 | B | 24 | A | 26 | A | 20 | B | 26 | A | 21 | B | 26 | A | 26 | A |
| M5 | S1 | 23 | B | 23 | B | 23 | B | 25 | A | 24 | A | 21 | B | 26 | A | 24 | A |
| | S2 | 26 | A | 29 | A | 27 | A | 26 | A | 26 | A | 28 | A | 28 | A | 24 | A |
| | S3 | 23 | B | 27 | A | 20 | B | 24 | A | 25 | A | 22 | B | 25 | A | 23 | B |
| M6 | S1 | 27 | A | 29 | A | 28 | A | 24 | A | 24 | A | 21 | B | 25 | A | 24 | A |
| | S2 | 30 | A | 30 | A | 29 | A | 27 | A | 26 | A | 27 | A | 26 | A | 29 | A |
| | S3 | 26 | A | 28 | A | 30 | A | 28 | A | 25 | A | 23 | B | 24 | A | 28 | A |
| M7 | S1 | 22 | B | 21 | B | 20 | B | 22 | B | 20 | B | 20 | B | 23 | B | 22 | B |
| | S2 | 24 | A | 28 | A | 20 | B | 20 | B | 23 | B | 22 | B | 24 | A | 24 | A |
| | S3 | 21 | B | 20 | B | 21 | B | 21 | B | 20 | B | 21 | B | 22 | B | 23 | B |
| M8 | S1 | 23 | B | 23 | B | 23 | B | 22 | B | 23 | B | 22 | B | 27 | A | 23 | B |
| | S2 | 23 | B | 22 | B | 24 | A | 21 | B | 24 | A | 24 | A | 26 | A | 25 | A |
| | S3 | 20 | B | 20 | B | 20 | B | 22 | B | 22 | B | 24 | A | 20 | B | 20 | B |
| Jum | | 586 | | 595 | | 580 | | 568 | | 596 | | 564 | | 601 | | 574 | |
| Min | | 24.4 | | 24.8 | | 24.2 | | 23.7 | | 24.8 | | 23.5 | | 25 | | 23.9 | |
| Gred | | A | | A | | A | | B | | A | | B | | A | | B | |

Tahap Kebolehpercayaan Pemeriksaan Holistik Karangan Bahasa Melayu antara Guru Lelaki dengan Guru Perempuan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru lelaki yang menjadi responden menunjukkan kebolehpercayaan sangat tekal kerana tiga orang daripada empat orang (75%) yang dikaji, memberikan skor A dengan hasil dapatan $X = 24.28$ (Gred A). Dapatan kajian dapat menjawab persoalan kedua dan menyokong kajian Azizi Ahmad (2006), bahawa guru lelaki lebih memberi tumpuan dan stabil dalam proses pemarkahan yang dijalankan.

Dalam Jadual 6 merujuk analisis taburan min keseluruhan 24 skrip karangan yang diperiksa guru lelaki menunjukkan G1 ialah $X = 24.4$, G2 ialah $X = 24.8$, G3 ialah $X = 24.2$, G4 ialah $X = 23.7$. Jumlah keseluruhan min skor guru lelaki ialah 75%, menunjukkan min keseluruhan guru lelaki memberikan Gred A kepada setiap karangan yang diperiksa. Analisis untuk karangan Catatan, menunjukkan guru lelaki G1, G2, G3, dan G4 lebih tekal dalam pemeriksaan mereka. Seramai 3 orang (75%) daripada mereka memberikan min

skor dengan Gred B berbanding 2 orang (50%) sahaja daripada guru perempuan G5, G6, G7, dan G8. Analisis karangan cerita menunjukkan 4 orang guru lelaki, iaitu (100%) memberikan min skor dengan Gred A kepada semua murid, manakala guru perempuan memberi min skor dengan Gred A dan Gred B setara (50%) untuk karangan cerita berdasarkan pengalaman murid.

Analisis bagi karangan Fakta menunjukkan tahap kebolehpercayaan guru-guru lelaki dan perempuan adalah tinggi dan setara kerana 3 orang (75%) daripada 4 orang guru kedua-dua jantina memberi min skor dengan Gred B kepada setiap murid terhadap karangan fakta yang dihasilkan. Faktor idea yang kurang menarik dan pengolahan yang sederhana berkemungkinan menjadi penyebab pemberian skor dengan Gred B tersebut oleh kedua-dua pihak guru, baik guru-guru lelaki mahupun guru-guru perempuan.

Dalam Jadual 6 juga analisis menunjukkan taburan min keseluruhan guru lelaki dalam pemeriksaan holistik untuk karangan catatan ialah X= 24.25 kepada P1, X= 23 kepada P2, X= 24.75 kepada P3, X= 25.5 kepada P4, X= 23.5 kepada P5, X= 27 kepada P6, X= 21.25 kepada P7 dan X= kepada P8. Jumlah keseluruhan min skor karangan Catatan ialah 190.2 dibahagi dengan lapan orang guru ialah X= 23.78 menunjukkan min keseluruhan pemeriksaan holistik memberikan Gred B kepada karangan catatan.

Hasil dapatan kajian menunjukkan jumlah min keseluruhan skor guru lelaki dalam pemeriksaan holistik untuk ketiga-tiga karangan yang diperiksa dan diberi skor markah pada gred yang sama, iaitu Gred A ialah X=24.28. Kajian ini jelas menunjukkan tahap kebolehpercayaan pemeriksaan holistik karangan bagi ketiga-tiga format karangan dalam kalangan guru lelaki adalah *sangat tekal* berbanding guru perempuan berdasarkan 75% daripada guru lelaki yang memberikan skor markah pada gred yang sama. Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam Jadual 6.

Jadual 6: Analisis min keseluruhan pemeriksaan holistik bagi karangan Bahasa Melayu dalam kalangan guru lelaki

| Guru Murid | G1 | | G2 | | G3 | | G4 | | |
|---------------|----|----|----|----|----|----|----|----|----|
| | S | sk | gd | sk | gd | sk | gd | sk | gd |
| M1 | S1 | 22 | B | 24 | A | 25 | A | 26 | A |
| | S2 | 28 | A | 26 | A | 26 | A | 28 | A |
| | S3 | 21 | B | 23 | B | 25 | A | 24 | A |
| M2 | S1 | 23 | B | 24 | A | 21 | B | 24 | A |
| | S2 | 30 | A | 25 | A | 22 | B | 25 | A |
| | S3 | 25 | A | 26 | A | 24 | A | 21 | B |
| M3 | S1 | 24 | A | 25 | A | 26 | A | 24 | A |
| | S2 | 26 | A | 23 | B | 24 | A | 24 | A |
| | S3 | 23 | B | 20 | B | 26 | A | 20 | B |
| M4 | S1 | 26 | A | 26 | A | 25 | A | 25 | A |
| | S2 | 28 | A | 28 | A | 25 | A | 25 | A |
| | S3 | 22 | B | 24 | A | 26 | A | 20 | B |
| M5 | S1 | 23 | B | 23 | B | 23 | B | 25 | A |
| | S2 | 26 | A | 29 | A | 27 | A | 26 | A |
| | S3 | 23 | B | 27 | A | 20 | B | 24 | A |

| | | | | | | | | | |
|---------------|----|-------------|---|-------------|---|-------------|---|-------------|---|
| M6 | S1 | 27 | A | 29 | A | 28 | A | 24 | A |
| | S2 | 30 | A | 30 | A | 29 | A | 27 | A |
| | S3 | 26 | A | 28 | A | 30 | A | 28 | A |
| M7 | S1 | 22 | B | 21 | B | 20 | B | 22 | B |
| | S2 | 24 | A | 28 | A | 20 | B | 20 | B |
| | S3 | 21 | B | 20 | B | 21 | B | 21 | B |
| M8 | S1 | 23 | B | 23 | B | 23 | B | 22 | B |
| | S2 | 23 | B | 22 | B | 24 | A | 21 | B |
| | S3 | 20 | B | 20 | B | 20 | B | 22 | B |
| Jumlah | | 586 | | 595 | | 580 | | 568 | |
| Min | | 24.4 | | 24.8 | | 24.2 | | 23.7 | |
| Gred | | A | | A | | A | | B | |

Dalam Jadual 7 pula, analisis taburan min keseluruhan guru perempuan menunjukkan G5 ialah $X = 24.8$, G6 ialah $X = 23.5$, G7 ialah $X = 25$ dan G8 ialah $X = 23.9$. Jumlah keseluruhan min skor guru perempuan ialah 50%, menunjukkan min keseluruhan guru perempuan seimbang memberi Gred A dan Gred B kepada setiap karangan yang diperiksa. Analisis juga menunjukkan guru perempuan seimbang dalam pemeriksaan holistik tanpa mengira usia, pengalaman dan kepakaran. Buktinya G5 dan G7 sepakat memberikan skor dengan gred A terhadap keseluruhan karangan yang diperiksa walaupun kedua-dua berbeza kepakaran dalam pemarkahan Kertas 012 UPSR. Analisis juga menunjukkan G6 dan G8 memberikan tahap kebolehppercayaan yang tekal terhadap pemeriksaan holistik terhadap keseluruhan karangan walaupun berbeza pengalaman dalam pengajaran dan pemeriksaan kertas karangan Bahasa Melayu.

Hasil dapatan kajian menunjukkan jumlah min keseluruhan skor guru perempuan dalam pemeriksaan holistik untuk ketiga-tiga karangan yang diperiksa dan diberi skor markah pada gred yang sama, iaitu Gred A ialah $X = 24.3$. Kajian ini jelas menunjukkan tahap kebolehppercayaan pemeriksaan holistik karangan bagi ketiga-tiga format karangan dalam kalangan guru perempuan adalah *sederhana tekal* berbanding guru lelaki berdasarkan 50% daripada guru perempuan yang memberikan skor markah pada gred yang sama. Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam Jadual 7.

Jadual 7: Analisis min keseluruhan pemeriksaan holistik bagi karangan Bahasa Melayu dalam kalangan guru perempuan

| Guru | Murid | G5 | | G6 | | G7 | | G8 | |
|------|-------|----|----|----|----|----|----|----|----|
| | | sk | gd | sk | gd | sk | gd | sk | gd |
| M1 | S1 | 25 | A | 19 | B | 25 | A | 20 | B |
| | S2 | 27 | A | 28 | A | 25 | A | 22 | B |
| | S3 | 26 | A | 26 | A | 23 | B | 21 | B |
| M2 | S1 | 26 | A | 23 | B | 23 | B | 22 | B |
| | S2 | 28 | A | 24 | A | 26 | A | 24 | A |
| | S3 | 28 | A | 23 | B | 24 | A | 23 | B |
| M3 | S1 | 23 | B | 25 | A | 26 | A | 24 | A |
| | S2 | 24 | A | 26 | A | 28 | A | 26 | A |

| | | | | | | | | | |
|---------------|----|-------------|---|-------------|---|------------|---|-------------|---|
| | S3 | 25 | A | 24 | A | 24 | A | 25 | A |
| M4 | S1 | 27 | A | 23 | B | 26 | A | 25 | A |
| | S2 | 29 | A | 27 | A | 29 | A | 27 | A |
| | S3 | 26 | A | 21 | B | 26 | A | 26 | A |
| M5 | S1 | 24 | A | 21 | B | 26 | A | 24 | A |
| | S2 | 26 | A | 28 | A | 28 | A | 24 | A |
| | S3 | 25 | A | 22 | B | 25 | A | 23 | B |
| M6 | S1 | 24 | A | 21 | B | 25 | A | 24 | A |
| | S2 | 26 | A | 27 | A | 26 | A | 29 | A |
| | S3 | 25 | A | 23 | B | 24 | A | 28 | A |
| M7 | S1 | 20 | B | 20 | B | 23 | B | 22 | B |
| | S2 | 23 | B | 22 | B | 24 | A | 24 | A |
| | S3 | 20 | B | 21 | B | 22 | B | 23 | B |
| M8 | S1 | 23 | B | 22 | B | 27 | A | 23 | B |
| | S2 | 24 | A | 24 | A | 26 | A | 25 | A |
| | S3 | 22 | B | 24 | A | 20 | B | 20 | B |
| Jumlah | | 596 | | 564 | | 601 | | 574 | |
| Min | | 24.8 | | 23.5 | | 25 | | 23.9 | |
| Gred | | A | | B | | A | | B | |

Daripada Jadual 6 dan Jadual 7 tersebut, dapat dirumuskan bahawa guru-guru lelaki percaya bahawa mereka boleh menjadi guru bahasa yang berkesan walaupun mereka kurang yakin tentang pengetahuan mereka dalam pemeriksaan secara holistik dengan lebih mendalam berbanding guru-guru perempuan. Guru-guru lelaki mempunyai konsep sendiri yang positif tentang kemampuan mereka untuk memberi markah secara holistik walaupun beranggapan bahawa pengetahuan mereka tidak mencukupi telah dapat menjawab persoalan kedua dan menyokong kajian Azizi (2006).

Tahap Kebolehpercayaan Pemeriksaan Holistik Karangan Bahasa Melayu antara Guru Berpengalaman dengan Guru Kurang Berpengalaman

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap pengalaman bukanlah faktor penentu kepada tahap kebolehpercayaan pemeriksaan holistik guru-guru Bahasa Melayu. Semua guru Bahasa Melayu tanpa mengira Tahap 1 atau 2 perlulah menguasai teknik dan pendekatan pemeriksaan holistik ini untuk mengelakkan penguasaan kemahiran lisan, bacaan dan tulisan pelajar-pelajar di tahap sederhana sahaja. Analisis Jadual 8 menunjukkan pemeriksaan karangan catatan guru berpengalaman G1, G5, G6 dan G7 dan guru yang kurang berpengalaman G2, G3, G4 dan G8 adalah tinggi dan setara tahap kebolehpercayaan kerana 2 (50%) daripada 4 orang guru daripada kedua-dua pihak memberi min skor dengan Gred A dan Gred B setara kepada setiap murid terhadap karangan yang dihasilkan.

Perbezaan ketara menilai analisis keputusan kajian karangan cerita kerana data menunjukkan guru berpengalaman dan kurang pengalaman lebih tekal dan tahap kebolehpercayaan sangat tinggi dalam pemeriksaan mereka kerana kesemua guru tersebut (100%) memberikan min skor dengan Gred A. Sememangnya karangan Cerita

begitu popular dalam kalangan murid Tahap 2 sekolah kebangsaan kerana pembinaan ayat-ayat untuk menulis isi karangan hanya berdasarkan pengalaman dan pembacaan.

Dapatan kajian menjawab dengan data menunjukkan pemeriksaan secara holistik terhadap ketiga-tiga karangan iaitu karangan catatan, karangan cerita dan karangan fakta oleh guru-guru berpengalaman menunjukkan tahap ketekalan yang tinggi kerana 3 (75%) daripada 4 guru G1, G5, G6, dan G7 memberikan min skor dengan Gred A. Hasil dapatan kajian menunjukkan jumlah min keseluruhan skor guru berpengalaman dalam pemeriksaan holistik untuk ketiga-tiga karangan yang diperiksa dan diberi skor markah pada gred yang sama, iaitu Gred A ialah $X=24.42$. Kajian ini jelas menunjukkan tahap kebolehppercayaan pemeriksaan holistik karangan bagi ketiga-tiga format karangan dalam kalangan guru berpengalaman adalah *sangat tekal* berdasarkan 75% daripada guru berpengalaman yang memberikan skor markah pada gred yang sama. Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam Jadual 8.

Jadual 8: Analisis min keseluruhan pemeriksaan holistik bagi karangan Bahasa Melayu di kalangan guru berpengalaman

| Guru | G1 | | | G5 | | G6 | | G7 | | |
|---------------|-------|--------------|----|-------------|----|-------------|----|--------------|----|----|
| | Murid | S | Sk | Gd | Sk | Gd | Sk | Gd | Sk | Gd |
| M1 | S1 | 22 | B | 25 | A | 19 | B | 25 | A | |
| | S2 | 28 | A | 27 | A | 28 | A | 25 | A | |
| | S3 | 21 | B | 26 | A | 26 | A | 23 | B | |
| M2 | S1 | 23 | B | 26 | A | 23 | B | 23 | B | |
| | S2 | 30 | A | 28 | A | 24 | A | 26 | A | |
| | S3 | 25 | A | 28 | A | 23 | B | 24 | A | |
| M3 | S1 | 24 | A | 23 | B | 25 | A | 26 | A | |
| | S2 | 26 | A | 24 | A | 26 | A | 28 | A | |
| | S3 | 23 | B | 25 | A | 24 | A | 24 | A | |
| M4 | S1 | 26 | A | 27 | A | 23 | B | 26 | A | |
| | S2 | 28 | A | 29 | A | 27 | A | 29 | A | |
| | S3 | 22 | B | 26 | A | 21 | B | 26 | A | |
| M5 | S1 | 23 | B | 24 | A | 21 | B | 26 | A | |
| | S2 | 26 | A | 26 | A | 28 | A | 28 | A | |
| | S3 | 23 | B | 25 | A | 22 | B | 25 | A | |
| M6 | S1 | 27 | A | 24 | A | 21 | B | 25 | A | |
| | S2 | 30 | A | 26 | A | 27 | A | 26 | A | |
| | S3 | 26 | A | 25 | A | 23 | B | 24 | A | |
| M7 | S1 | 22 | B | 20 | B | 20 | B | 23 | B | |
| | S2 | 24 | A | 23 | B | 22 | B | 24 | A | |
| | S3 | 21 | B | 20 | B | 21 | B | 22 | B | |
| M8 | S1 | 23 | B | 23 | B | 22 | B | 27 | A | |
| | S2 | 23 | B | 24 | A | 24 | A | 26 | A | |
| | S3 | 20 | B | 22 | B | 24 | A | 20 | B | |
| Jumlah | | 586 | | 596 | | 564 | | 601 | | |
| Min | | 24.42 | | 24.8 | | 23.5 | | 25.04 | | |
| Gred | | A | | A | | B | | A | | |

Faktor soalan karangan yang mudah dan benar-benar berlaku dalam kehidupan mereka merupakan idea-idea bernas dalam pembinaan plot penceritaan. Dalam Jadual 9, analisis karangan Fakta memperlihatkan 6 orang (75%) daripada 8 orang guru memberikan min skor dengan Gred A yang menunjukkan tahap kebolehpercayaan adalah tinggi. Hanya dua (25%) orang guru tersebut memberi min skor dengan Gred B kepada setiap murid terhadap karangan Fakta yang dihasilkan. Keputusan itu berbeza dengan guru-guru yang kurang berpengalaman G2, G3, G4 dan G8 adalah setara (50%) dengan memberikan min skor dengan Gred A dan Gred B. Jelas menunjukkan guru-guru kurang berpengalaman tidak tekal dalam pemarkahan ketiga-tiga bentuk karangan bagi kelapan-lapan murid mereka.

Hasil dapatan kajian menunjukkan jumlah min keseluruhan skor guru kurang berpengalaman dalam pemeriksaan holistik untuk ketiga-tiga karangan yang diperiksa dan diberi skor markah pada gred yang sama iaitu Gred A ialah $X=24.15$. Kajian ini jelas menunjukkan tahap kebolehpercayaan pemeriksaan holistik karangan bagi ketiga-tiga format karangan dalam kalangan guru kurang berpengalaman adalah *sangat tekal* berdasarkan 75% daripada guru kurang berpengalaman yang memberikan skor markah pada gred yang sama. Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam Jadual 9.

Jadual 9: Analisis min keseluruhan pemeriksaan holistik bagi karangan Bahasa Melayu dalam kalangan guru kurang berpengalaman

| Murid | G2 | | G3 | | G4 | | G8 | | |
|-------|----|----|----|----|----|----|----|----|----|
| | S | Sk | Gd | Sk | Gd | Sk | Gd | Sk | Gd |
| M1 | S1 | 24 | A | 25 | A | 26 | A | 20 | B |
| | S2 | 26 | A | 26 | A | 28 | A | 22 | B |
| | S3 | 23 | B | 25 | A | 24 | A | 21 | B |
| M2 | S1 | 24 | A | 21 | B | 24 | A | 22 | B |
| | S2 | 25 | A | 22 | B | 25 | A | 24 | A |
| | S3 | 26 | A | 24 | A | 21 | B | 23 | B |
| M3 | S1 | 25 | A | 26 | A | 24 | A | 24 | A |
| | S2 | 23 | B | 24 | A | 24 | A | 26 | A |
| | S3 | 20 | B | 26 | A | 20 | B | 25 | A |
| M4 | S1 | 26 | A | 25 | A | 25 | A | 25 | A |
| | S2 | 28 | A | 25 | A | 25 | A | 27 | A |
| | S3 | 24 | A | 26 | A | 20 | B | 26 | A |
| M5 | S1 | 23 | B | 23 | B | 25 | A | 24 | A |
| | S2 | 29 | A | 27 | A | 26 | A | 24 | A |
| | S3 | 27 | A | 20 | B | 24 | A | 23 | B |
| M6 | S1 | 29 | A | 28 | A | 24 | A | 24 | A |
| | S2 | 30 | A | 29 | A | 27 | A | 29 | A |
| | S3 | 28 | A | 30 | A | 28 | A | 28 | A |
| M7 | S1 | 21 | B | 20 | B | 22 | B | 22 | B |
| | S2 | 28 | A | 20 | B | 20 | B | 24 | A |
| | S3 | 20 | B | 21 | B | 21 | B | 23 | B |
| M8 | S1 | 23 | B | 23 | B | 22 | B | 23 | B |
| | S2 | 22 | B | 24 | A | 21 | B | 25 | A |

| | S3 | 20 | B | 20 | B | 22 | B | 20 | B |
|---------------|----|-------------|---|-------------|---|-------------|---|-------------|---|
| Jumlah | | 595 | | 580 | | 568 | | 574 | |
| Min | | 24.5 | | 24.2 | | 23.7 | | 23.9 | |
| Gred | | A | | A | | B | | B | |

Daripada Jadual 8 dan Jadual 9, dapat dirumuskan bahawa perbandingan antara guru berpengalaman dan guru kurang berpengalaman mempunyai julat nilai min yang agak kecil namun tahap kebolehppercayaan guru berpengalaman sangat tekal berbanding dengan guru yang kurang berpengalaman memberikan skor Gred A dengan hasil dapatan $X = 24.42$ bagi keseluruhan karangan yang diperiksa berbanding guru yang kurang pengalaman hanya 2 (50%) daripada 4 orang guru tersebut memberikan skor A dengan hasil dapatan $X = 24.15$ bagi keseluruhan karangan yang diperiksa. Kemahiran guru perlu sentiasa mengikut arus perubahan lantas pengalaman yang luas juga tidak menjamin penguasaan teknik pemeriksaan secara holistik.

PERBINCANGAN

Jantina

Hasil dapatan kajian menunjukkan tahap kebolehppercayaan guru lelaki sangat tekal berbanding dengan guru perempuan bagi pemeriksaan holistik karangan Catatan, Cerita dan Fakta dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Guru lelaki lebih bersedia dan rasional dengan teknik pemeriksaan holistik yang baru diaplikasikan dalam proses pemarkahan tanpa terkongkong dengan kaedah yang lama. Secara keseluruhan, pemeriksaan guru lelaki sangat tekal kerana 3 orang daripada 4 orang (75%) yang dikaji, memberikan skor A dengan hasil dapatan $X = 24.28$ (Gred A). Guru lelaki secara tekal iaitu (100%), telah memberi skor yang sama untuk karangan catatan dan cerita berbanding guru perempuan hanya 50%, iaitu 2 orang daripada 4 orang untuk karangan catatan dan sangat tekal pemeriksaan mereka yakni 100% guru perempuan secara keseluruhan memberi gred A untuk karangan cerita. Situasi ini memang dijangkakan kerana karangan yang berbentuk cerita merupakan karangan yang menjadi kegemaran murid-murid untuk menjawabnya kerana mudah untuk mengarangnya atas faktor tidak terikat dengan hukum-hukum ataupun format binaan yang kompleks.

Guru lelaki juga sangat tekal dalam pemeriksaan karangan Fakta kerana kerana 3 orang daripada 4 orang (75%) yang dikaji, memberikan skor B berbanding guru perempuan sekadar 50%, iaitu 2 orang daripada 4 orang seimbang dalam pemarkahan berdasarkan proses pembuatan karangan Fakta memerlukan idea yang bernas dan pembacaan yang jitu. Dapatan kajian ini menyokong kajian Azizi (2006), dalam memberikan markah murid, kadang guru perempuan mengambil masa yang begitu lama untuk memproses disebabkan tanggungjawab sebagai ibu atau isteri yang sememangnya banyak. Rumusannya, tahap kebolehppercayaan guru lelaki sangat tekal berbanding guru perempuan semasa pemeriksaan secara holistik karangan Bahasa Melayu Tahap 2 di sekolah kebangsaan.

Pengalaman

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa perbandingan antara guru berpengalaman dengan guru kurang berpengalaman mempunyai julat nilai min yang agak kecil namun tahap kebolehpercayaan guru berpengalaman sangat tekal berbanding dengan guru yang kurang berpengalaman, iaitu 3 orang daripada 4 orang (75%) yang dikaji memberikan skor A berbanding guru yang baru mengajar dengan hasil dapatan $X=24.42$ (GredA). Guru yang berpengalaman dan guru yang kurang berpengalaman secara tekal, iaitu (100%), telah memberi skor yang sama untuk karangan Cerita. Bagi karangan catatan, 3 orang daripada 4 orang (75%) guru yang berpengalaman sepakat memberi skor A berbanding situasi 50-50 ataupun sederhana tekal daripada guru yang kurang berpengalaman. Hakikatnya, para guru yang dikaji mempunyai persepsi yang lebih positif terhadap pemeriksaan holistik terutama terhadap karangan Cerita.

Keputusan ini telah menjawab keraguan pengkaji ke atas kemampuan yang kurang berpengalaman dalam menghadapi pemeriksaan holistik dalam karangan berformat seperti karangan Catatan. Hasil dapatan telah menunjukkan bahawa tiada perbezaan ketara antara kedua-dua kumpulan bagi karangan fakta iaitu masing-masing agak seimbang (50%) dalam pemberian skor. Situasi memberi implikasi bahawa pemeriksaan secara holistik telah membantu menyamakan jurang antara perbezaan konten responden yang berbeza pengalaman. Dapatan kajian ini bertentangan dengan kajian Mohd Isha (2005), yang mendapati latihan dan pengalaman membolehkan pemeriksa yang berpengalaman menjalankan tugas pemarkahan dengan lebih cekap berbanding pemeriksa yang tidak berpengalaman dan ini menunjukkan latihan begitu penting bagi pemarkahan holistik. Dalam kajian ini, pengkaji mendapati bahawa guru yang pengalaman mengajar Bahasa Melayu tidak semestinya mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi dan tekal semasa proses pemeriksaan holistik karangan Bahasa Melayu. Situasi ini berlaku kerana kaedah pemarkahan dan pemeriksaan tidak statik dan sering berubah-ubah mengikut peredaran zaman dan proses P&P terkini.

KESIMPULAN

Kecemerlangan pencapaian keputusan peperiksaan amnya dan Kertas 012- Bahasa Melayu khasnya bagi sebuah sekolah mempunyai pertalian dengan kejayaan pelajar. Hakikat yang tersirat hasil kajian mendapati kaedah dan teknik pengajaran mempengaruhi pencapaian pelajar terhadap karangan Bahasa Melayu. Selain itu, teknik pemeriksaan yang tepat dan berkesan akan memberi keyakinan kepada pelajar untuk menguasai kemahiran penulisan. Terdapat beberapa tahap kebolehpercayaan pemeriksaan secara holistik karangan catatan dalam kalangan guru Bahasa Melayu berdasarkan jantina, pengalaman dan kepakaran.

Teknik pemeriksaan holistik yang sesuai dan berkesan jika diamalkan dapat membantu pelajar memperoleh pencapaian yang tinggi dalam karangan Kertas 012- Bahagian B, Bahasa Melayu. Hasil kajian mendapati perbezaan jantina, pengalaman mengajar dan memeriksa kertas karangan serta kepakaran dalam penandaan kertas peperiksaan UPSR mempengaruhi kebolehpercayaan pemeriksaan holistik para guru

tersebut. Maklumat tentang tahap kebolehppercayaan itu membantu guru memberi bimbingan dan tunjuk ajar teknik menulis karangan yang berkesan dan mencapai tahap kecemerlangan. Perkara ini penting, agar pencapaian pelajar dalam mata pelajaran ini meningkat dan pengajaran guru berkesan. Selain itu, guru bahasa juga dapat memahami kecenderungan, kekuatan dan kelemahan sendiri dalam pemarkahan yang diamalkan oleh mereka.

Menurut Zamri dan Mohamed Amin (2000), kejayaan dan kecemerlangan dalam sesuatu mata pelajaran banyak dikaitkan dengan kepelbagaian gaya dan strategi pembelajaran yang digunakan. Lazimnya pemeriksaan skrip jawapan karangan memerlukan guru-guru yang berpengalaman dalam sesuatu mata pelajaran berkenaan sedangkan sudah menjadi tugas setiap guru Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6 di sekolah kebangsaan untuk menguasai kemahiran pemarkahan karangan. Objektif sesuatu ujian berkenaan dilaksanakan turut menentukan kriteria pemeriksaan skrip jawapan (Hashim, 2005).

Pentadbiran dan pemeriksaan ujian ialah tahap yang sepatutnya tidak menimbulkan masalah apabila langkah-langkah, strategi-strategi dan skema-skema telah disediakan terlebih dahulu. Guru harus tahu gaya pembelajaran yang sesuai digunakan oleh muridnya yang berbeza tahap pencapaian. Oleh itu, sesuatu kaedah pemeriksaan tidak semestinya terbaik untuk semua murid, terutama dalam P&P karangan (Abu Bakar Nordin, 2008).

Pengkaji berpendapat bahawa guru-guru pemeriksa kertas karangan Bahasa Melayu UPSR mungkin tidak mengaplikasikan kepakaran mereka dalam sesi pemeriksaan ini atas faktor pemarkahan UPSR yang lebih memudahkan pemberian markah dan tekanan terhadap bilangan skrip yang banyak untuk diselesaikan serta masih terikut-ikut dengan pemeriksaan secara analitik yang telah diamalkan sejak sekian lama. Berbanding dengan guru-guru yang bukan pemeriksa Kertas 012-UPSR yang begitu teruja untuk mengamalkan teknik holistik yang lebih mudah berbanding analitik yang lebih sistematik.

Kesimpulannya, secara keseluruhan bahawa guru-guru lelaki lebih tekal semasa proses pemarkahan dijalankan. Berbeza dengan guru-guru yang berpengalaman lebih tekal berbanding guru-guru yang baru mengajar dan memeriksa kertas karangan dalam proses pemarkahan mereka. Oleh itu, guru-guru perlu memiliki kemahiran memeriksa kertas karangan supaya pemeriksaan yang dibuat lebih holistik.

RUJUKAN

- Abdullah Ngah. (2001). *Kebolehppercayaan sebagai ketekalan*. Serdang: Penerbitan Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Abu Bakar Nordin. (2008). *Pentaksiran dalam pendidikan dan sains sosial*. Tanjung Malim: Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Azizi Ahmad. (2006). *Pengukuran dan penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Hashim Othman. (2005). *Pentaksiran karangan Bahasa Melayu*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

- Hashim Othman. (2000). Penerokaan komponen-komponen komunikatif dan pembinaan skema pemarkahan holistik berfokus bagi menggred perlakuan Karangan Bahasa Malaysia sekolah menengah. Tesis Dr. Fal. Universiti Sains Malaysia.
- Kamarudin Husin. (2001). *Pendekatan mengajar bahasa*. Petaling Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2005). *Bahasa Melayu UPSR (SK): Format pentaksiran mulai 2005*. Shah Alam: Penerbitan Malindo Sdn. Bhd.
- Linn, Robert L. (1995). *Measurement and assessment in teaching*. New Jersey: Merrill Prentice-Hall Inc.
- Mohd Isa Abdul Razak. (2004). *Esei pedagogi bahasa: Pemarkahan karangan umum dan karangan UPSR*. Sabah: Institut Perguruan Keningau.
- Mohd Isha Awang. (2005). *Pengukuran dan penilaian pendidikan*. Azizi Publicist: <http://www.geocities.com/kheru2006/>
- Mohd. Majid Konting. (2005). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mokhtar Ismail. (1995). *Penilaian di bilik darjah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mok Soon Sang. (2009). *Literatur dan kaedah penyelidikan*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Musa Sulaiman. (2002). *Pedagogi Bahasa Melayu: Teknik berkesan menulis karangan*. Jabatan Pengajian Melayu. Batu Rakit: MPKT.
- Pusat Pengajian Teknologi. (2004). *Modul 4: Pengujian, pengukuran dan penilaian*. Kuantan: Universiti Malaysia Pahang.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (1999). *Penilaian kendalian sekolah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Raminah Sabran. (1991). *Penilaian dan pengujian Bahasa Malaysia: Penerapannya pada peringkat sekolah rendah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Seman Salleh. (2005). *Kajian-kajian interaksi lisan dalam P&P*. Jabatan Pengajian Melayu. Jurnal IPBA, 3 (2).
- Siti Rahayah Ariffin. (2003). *Teori, konsep dan amalan dalam pengukuran dan penilaian*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sulaiman Masri. (2003). *Kaedah penyelidikan dan panduan penulisan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Suppiah, S. (2003). *Proses kognitif dalam penulisan esei: Analisis hermeneutik*. Tesis Dr. Fal. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi. (2000). Pengenalpastian gaya dan strategi pembelajaran bahasa sebagai satu cara mengatasi masalah kepelbagaian pelajar di dalam kelas bahasa. Seminar Prosiding Pendidikan Kebangsaan 2000, 13-26. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Maklumat lanjut, boleh hubungi:

Noor Izam Mohd Taib

Unit Perancangan Pembangunan

Sektor Perancangan Makro

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

Kementerian Pelajaran Malaysia

noorizamhjmohdtaib@yahoo.com

maziroom8@gmail.com